

# ISU NFC

■ Oktober 2011

Isu berkaitan Projek Fidlot Nasional (NFC) disebut dalam Laporan Ketua Audit Negara 2010 selepas berdepan masalah apabila pengeluaran dikurangkan daripada 60,000 kepada 8,000 lembu.

■ November 2011

Pembangking membuat aduan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor mendakwa wujud salah guna wang NFCorp untuk pembelian kondominium mewah di One Menerung, Bangsar bernilai RM9.8 juta.

■ 17 November 2011

Pengerusi Eksekutif NFCorp, Datuk Seri Dr Mohamad Salleh Ismail menjawab sembilan tuduhan berkaitan projek NFC yang dilempar pelbagai pihak termasuk pembangking.

■ 23 Disember 2011

SPRM serbu pejabat NFCorp di Solaris Mont Kiara.

■ 14 Januari 2012

Perdana Menteri mengumumkan aset NFCorp dibeku bagi membantu siasatan dakwaan berlaku penyelewengan dana kerajaan dalam projek itu.

■ 15 Januari 2012

Mohamad Salleh menjelaskan operasi NFCorp

diteruskan walaupun aset syarikat dibekukan.

■ 16 Januari 2012

Pengurusan NFCorp menafikan pengarah syarikat itu menerima pendapatan bulanan lumayan seperti didakwa beberapa pihak termasuk pembangking.

■ 18 Januari 2012

Timbalan Perdana Menteri mengumumkan kerajaan akan melantik firma perunding perakaunan untuk menjalankan penelitian wajar dan audit terhadap projek NFC bagi melindungi kepentingan kerajaan

■ 19 Januari 2012

Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil memfailkan saman fitnah ganti rugi RM100 juta ke atas Ketua Wanita PKR, Zuraida Kamaruddin dan Pengarah Strategik PKR, Mohd Rafizi Ramli kerana mengaitkannya dengan projek NFC.

■ 25 Januari 2012

Jabatan Audit Negara menjelaskan pihaknya tidak pernah menggunakan perkataan *kucar-kacir*, *in a mess* atau penyelewengan dalam keseluruhan Laporan Ketua Audit Negara 2010 berhubung projek NFC di Gemas, Negeri Sembilan.

■ 26 Januari 2012

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar menyangkal tuduhan yang

dilemparkan pembangking berhubung isu NFC sambil menegaskan projek ternakan lembu daging itu tidak gagal.

■ 8 Februari 2012

Shahrizat disoal siasat SPRM selama hampir dua setengah jam berhubung isu NFC.

■ 9 Februari 2012

Mohamad Salleh menjelaskan beliau dan keluarga memberi kerjasama kepada pihak berkuasa, termasuk SPRM bagi bantu siasatan isu NFC.

■ 25 Februari 2012

Polis mencadangkan Peguam Negara mendakwa Mohamed Salleh atas pertuduhan pecah amanah.

■ 1 Mac 2012

Mohamed Salleh mempertahankan keputusan syarikat melabur sektor hartanah di dalam dan luar negara bagi membolehkan syarikat mencari keuntungan untuk membayar balik pinjaman.

■ 11 Mac 2012

Shahrizat mengumumkan undur diri sebagai Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkuat kuasa 8 April 2012.

■ 12 Mac 2012

Mohamad Salleh didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas empat kes pecah amanah dan Akta Syarikat membabitkan wang RM49.7 juta.